

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 JULY 2017

DR M SOKONG ANWAR JADI PM

Pusingan U strategi hadapi siasatan RCI

BH- 9/7/2017 pg.9

➔ Rakyat perlu faham mainan politik Dr Mahathir: Pemuda

Oleh Faris Fuad dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Rakyat perlu faham mainan politik Tun Dr Mahathir Mohamad yang beralih menggunakan strategi menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecatnya sebagai Timbalan Perdana Menteri untuk menjadi Perdana Menteri ketujuh.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun, berkata ia sebenarnya usaha Dr Mahathir bagi menghadapi siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan kerugian urus niaga mata wang asing

Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1980-an dan 1990-an.

Beliau mendakwa, sokongan itu bukan tertumpu kepada pilihan raya umum (PRU), sebaliknya bagi memastikan Anwar tidak memberi keterangan kepada RCI berhubung kerugian AS\$10 bilion dialami BNM ketika pentadbiran Dr Mahathir.

“Tun Mahathir bimbang agenda politiknya akan terkesan jika Anwar keluarkan kenyataan membabitkan beliau dalam siasatan RCI,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, belia negara ini tidak boleh lagi membuang masa demi cita-cita Dr Mahathir untuk menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri dan mene-



Tun Mahathir bimbang agenda politiknya akan terkesan jika Anwar keluarkan kenyataan membabitkan beliau dalam siasatan RCI”

Khairul Azwan Harun,
Naib Ketua Pemuda UMNO

ruskan legasinya.

“Mereka juga tiada masa layan agenda politik beberapa individu lain (pemimpin pembangkang) yang hanya mahu rebut kuasa berbanding berbakti kepada rakyat dan negara,” katanya.

Desak PPBM nyata pendirian

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Sohaimi Shahan dan mendesak pemimpin lain Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), terutama Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan pendirian mengenai keputusan Dr Mahathir itu.

Katanya, Dr Mahathir yang juga Pengerusi PPBM membuat pusingan U selepas segala usahanya untuk menggulingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, melalui pelbagai helah, gagal.

“Kerjasama dengan Anwar dan Lim Kit Siang adalah talian hayat demi menyelamatkan dirinya daripada RCI. Hakikatnya Dr Mahathir sokong Anwar jadi Perdana Menteri bukan kerana kepentingan politik, tetapi kepentingan peribadi,” katanya.

Katanya, sokongan Dr Mahathir kepada Anwar tidak mengejutkan kerana beliau juga sudah berpuhlah tahun sebelum ini menegaskan Kit Siang antiMelayu dan Islam, manakala DAP parti rasis, tetapi kini menarik semua tuduhan itu.